



# KOTA TINGGI 2030

## PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM

*14 NOVEMBER - 15 DISEMBER 2021  
(HARI BEKERJA SAHAJA)*

*9.00 PAGI - 4.30 PETANG (AHAD HINGGA RABU)  
9.00 PAGI - 3.00 PETANG (KHAMIS)*



### APAKAH RANCANGAN TEMPATAN ?

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KOTA TINGGI 2030 (PENGgantian) merupakan satu peta dan pernyataan bertulis yang menerangkan dengan lebih terperinci segala cadangan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan untuk pemajuan dan penggunaan tanah dengan menterjemahkan dan memperincikan dasar-dasar strategik Rancangan Struktur Negeri Johor 2030. RT ini merupakan pelan rancangan pembangunan yang baru untuk menggantikan sepenuhnya RTD KT 2020 yang telah tamat tempoh pada tahun 2020.



#### KEPERLUAN PERUNDANGAN

01

##### SEKSYEN 12

Penyediaan Draf Rancangan-Rancangan Tempatan

02

##### SEKSYEN 13

Publisiti Berkenaan Dengan Draf Rancangan Tempatan

03

##### SEKSYEN 14

Penyiasatan dan Pembicaraan Berkenaan Dengan Draf RancanganTempatan

04

##### SEKSYEN 15

Penerimaan Atau Penolakan Draf Rancangan Tempatan

05

##### SEKSYEN 16

Pengubahan, Pemansuhan dan Penggantian Rancangan-Rancangan Tempatan

#### KEPERLUAN PERANCANGAN



Kajian RTD Kota Tinggi 2030 (Penggantian) menggantikan RTD Kota Tinggi yang tamat tempoh perancangan pada tahun 2020



Kajian ini mengambilkira perubahan dasar, menyelaras, menterjemah dan memperincikan konsep dan strategi pembangunan berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Johor 2030 (RSNJ 2030)



Persempadanan semula Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) dan Majlis Perbandaran Pengerang (MPP) menimbulkan isu-isu yang memerlukan penyelarasan dan penyusunan semula



Pindaan zon guna tanah, pengezonan semula guna tanah dan penyusunan keperluan kemudahan asas, awam, utiliti dan infrastruktur

Menurut Subseksyen 12(3), Akta 172,  
*perkara yang perlu diambilkira dalam penyediaan RT*

#### Subseksyen 16(1)

PBPT boleh pada bila-bila masa, membuat cadangan untuk pengubahan, pembatalan atau penggantian suatu rancangan tempatan

#### Subseksyen 16(2)

Tanpa menyentuh Subseksyen (1), PBPT hendaklah jika jawatankuasa memberikan ia arahan bagi maksud itu berkenaan dengan suatu rancangan tempatan dengan secepat yang dapat dilaksanakan menyediakan cadangan daripada jenis yang dinyatakan dalam arahan itu iaitu cadangan untuk pengubahan, pembatalan atau penggantian rancangan itu

#### Subseksyen 16(3)

Seksyen 13,14 dan 15 hendaklah terpakai berhubung pembuatan cadangan untuk pengubahan, pembatalan atau penggantian suatu rancangan tempatan di bawah seksyen ini dan berkenaan dengan apa-apa pengubahan, pembatalan atau penggantian rancangan itu yang berikutnya, sebagaimana ia terpakai berhubung dengan penyediaan draf rancangan tempatan di bawah seksyen 12 dan berhubung dengan draf rancangan tempatan yang disediakan di bawahnya

#### KANDUNGAN RT DAERAH KOTA TINGGI 2030 (PENGgantian)

##### JILID I



##### PENYATAAN BERTULIS & STRATEGI PEMBANGUNAN

- Halatuju dan Strategi Pembangunan
- Pelan Konsep Pembangunan
- Pelan Cadangan Pembangunan

##### JILID II



##### PETA CADANGAN & GARIS PANDUAN PERANCANGAN

- Pelan Zon Guna Tanah
- Kelas Guna Tanah
- Pelan Intensiti
- Kawalan Ketinggian
- Garis Panduan Perancangan

##### JILID III




##### PELAN PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

- Struktur Pentadbiran Majlis
- Kos Perbelanjaan Dan Pendapatan
- Cadangan Projek Berdasarkan Fasa
- Inisiatif Dan Strategi Pengurusan Dan Pelaksanaan
- Cadangan Pembangunan Elemen Bandar Pintar



## PROFIL KAWASAN KAJIAN



## HUBUNGAN ANTARA DAERAH DAN PROFIL PENDUDUK



JOHOR

Terletak di bahagian Tenggara Negeri Johor

50 KM

Jarak ke bandar penting seperti Johor Bahru dan Singapura



Tahun 2020

299,364 Orang

Tahun 2030

359,049 Orang

MDKT

Tahun 2020

147,700 Orang

Tahun 2030

182,396 Orang

MPP

Tahun 2020

151,664 Orang

Tahun 2030

176,653 Orang

## ISU UTAMA, VISI, WAWASAN DAN MATLAMAT



### VISI

DAERAH KOTA TINGGI  
KE ARAH PERBANDARAN  
PINTAR, HIJAU DAN VIBRAN



**PINTAR**

"KE ARAH PERBANDARAN PINTAR MELALUI TEKNOLOGI URUS TADBIR YANG CEKAP DENGAN PEMBANGUNAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR PINTAR BERTERASAKAN INDIKATOR RANGKA KERJA BANDAR PINTAR "



**HIJAU**

"KE ARAH SEBUAH PERBANDARAN HIJAU DAN MESRA ALAM SEKITAR MELALUI PENGEKALAN DAN KAWALAN KSAS, SUMBER SEMULAJADI, DAN RENDAH KARBON "



**VIBRAN**

"KE ARAH SEBUAH PERBANDARAN YANG BERDAYA HUNI DAN DAYA TAHAN DENGAN PERTUMBUHAN EKONOMI MAMPAN, KUALITI HIDUP YANG TINGGI DAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI "

### MATLAMAT

Membangun ke arah perbandaran BERTERASAKAN PELANCONGAN WARISAN DAN PELANCONGAN EKO, PERTANIAN, PENTERNAKAN BERTEKNOLOGI TINGGI DAN *SMART* MAMPAN (MAMPAN PINTAR). PEMBANGUNAN PERTANIAN DAN PENTERNAKAN AKAN DICADANGKAN MEMFOKUSKAN KEPADA PENGEKALAN MAKANAN NEGARA, KOMODITI DAN TERNAKAN (LEMBU DAN UNGGAS)

### WAWASAN

"KE ARAH PERBANDARAN KOMPETITIF, BERDAYA TAHAN DAN AGROPOLITAN PINTAR"



OBJEKTIF DAN TERAS PEMBANGUNAN

OBJEKTIF PEMBANGUNAN

|                                                                                                                                 |                                                                                                                                                   |                                                                                                                                                                                |                                                                                                                                                          |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  <p>Memacu Pembangunan Guna Tanah</p>          |  <p>Daerah Kota Tinggi Sebagai Daerah Pelancongan Semulajadi</p> |  <p>Melindungi dan Memelihara KSAS</p>                                                      |  <p>Strategi Pembangunan Fizikal dan Ekonomi Berasaskan Pertanian</p> |
|  <p>Pembangunan Perindustrian yang Mampan</p> |  <p>Meningkatkan Tahap Kemudahsampaian</p>                      |  <p>Membangunkan Kawasan Luar Bandar</p>                                                   |  <p>Mengurangkan Kesan Bencana Alam</p>                              |
| <p>OBJEKTIF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KOTA TINGGI 2030 (PENGgantian)</p>                                                        |                                                                                                                                                   |  <p>Meningkatkan Pertumbuhan Ekonomi <i>Green Economy</i> Dan <i>Renewable Energy</i></p> |  <p>Memperkukuh dan Mengemaskini Sistem Urus Tadbir Kawasan PBT</p> |


TERAS PEMBANGUNAN

| TERAS 01                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | TERAS 02                                                                                                                                                                                                                                                                     | TERAS 03                                                                                     | TERAS 04                                                                              |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                                                                                                                                           |         |  |
| SPATIAL LESTARI                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | EKONOMI DINAMIK                                                                                                                                                                                                                                                              | INFRASTRUKTUR & PERHUBUNGAN EFISIEN                                                          | GOVERNANS PINTAR                                                                      |
| <div>Guna Tanah Fizikal &amp; Sistem Maklumat Geografi (GIS)</div> <div>Perhutanan, Alam Sekitar &amp; Semulajadi, Pengurusan Pantai Dan Geo-Bencana</div> <div>Landskap, Kawasan Lapang Dan Rekreasi</div> <div>Perumahan, Petempatan Desa, Pembangunan Luar Bandar Dan Pengurusan Desa Pintar</div> <div>Reka Bentuk Bandar &amp; Bangunan</div> <div>Institusi &amp; Kemudahan Masyarakat</div> | <div>Kerangka Wilayah Dan Dasar Pembangunan Negara Dan Negeri Johor</div> <div>Asas Ekonomi, Penduduk, Guna Tenaga Dan Sosio-Ekonomi</div> <div>Komersial Dan Perindustrian</div> <div>Pelancongan</div> <div>Pertanian, Perikanan, Perternakan &amp; Pertanian Pintar</div> | <div>Pengurusan Lalu Lintas Dan Pengangkutan Awam</div> <div>Infrastruktur Dan Utiliti</div> | <div>Pengurusan Dan Pelaksanaan</div> <div>Pembangunan Elemen Bandar Pintar</div>     |





▶▶ GUNA TANAH SEMASA 2020

PERBANDINGAN GUNA TANAH KAWASAN KAJIAN TAHUN 2015 DAN TAHUN 2020 :



GUNA TANAH UTAMA 2020







ZON GUNA TANAH 2030

PERBANDINGAN ZON GUNA TANAH KAWASAN KAJIAN  
TAHUN 2020 DAN TAHUN 2030 :




ZON GUNA TANAH UTAMA 2030





## KOTA TINGGI KE ARAH DAERAH BERDAYA TAHAN

### L1-3 CADANGAN PENGURUSAN KAWASAN RISIKO BANJIR - DATARAN BANJIR



#### LOKASI

- Keseluruhan Blok Perancangan

#### KELUASAN

- 68,023.49 Hektar

#### JUSTIFIKASI


Keperluan kawalan pembangunan yang khusus dalam kawasan dataran banjir.

ZON GUNA TANAH YANG TERLIBAT DALAM KAWASAN DATARAN BANJIR

| Zon Guna Tanah                     | Keluasan (Hektar) |
|------------------------------------|-------------------|
| Pertanian                          | 33,404.52         |
| Perumahan                          | 11,700.05         |
| Hutan                              | 8,596.87          |
| Badan Air                          | 4,920.14          |
| Industri                           | 3,520.13          |
| Komersial                          | 1,783.10          |
| Institusi dan Kemudahan Masyarakat | 1,701.39          |
| Pengangkutan                       | 1,553.82          |
| Infrastruktur dan Utiliti          | 598.25            |
| Tanah Lapang dan Rekreasi          | 223.83            |
| Pantai                             | 26.66             |
| Jumlah                             | 68,023.49         |

#### KAWALAN PERANCANGAN

1. Sesuatu pembangunan perlu merujuk kepada kajian terperinci banjir seperti IRBM dan PISMA.
2. Menggalakkan guna tanah bukan tepu bina di sekitar kawasan dataran banjir.



### L2-4 CADANGAN PELAKSANAAN PELAN PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI BERSEPADU (IRBM) SG. SEDILI BESAR

#### LOKASI

- BP 2 - Lembangan Sg. Sedili Besar
- BP 3 - Lembangan Sg. Sedili Besar
- BP 4 - Lembangan Sg. Sedili Besar

#### KELUASAN


-

#### JUSTIFIKASI


Cadangan ini penting dalam mendapatkan penyelesaian kepada isu banjir dalam Lembangan Sg. Sedili Besar kerana melibatkan kawasan petempatan.

#### TINDAKAN

1. Menyediakan kolam tadahan.
2. Menghadkan kawasan dataran banjir kepada guna tanah pertanian.
3. Menyediakan petempatan semula di kawasan pertanian berhampiran Kg. Tanah Putih dan Kg. Sayang.
4. Menyediakan rizab sungai 50m.
5. Menyediakan empangan di Ulu Sg. Sedili.
6. Menjadikan kawasan pertanian dan hutan sebagai kawasan tadahan air.



### L2-6 CADANGAN MENGEMASKINI PELAN RISIKO BANJIR BAGI BANDAR KOTA TINGGI



#### LOKASI


- BP1 - Bandar Kota Tinggi

#### KELUASAN


-

#### JUSTIFIKASI

Tujuan penyediaan pelan risiko banjir adalah untuk mengawal dan mengurangkan banjir, mengurangkan kerosakan harta benda dan melindungi nyawa penduduk.




=





KOTA TINGGI KE ARAH DAERAH BERDAYA TAHAN

L4-2 CADANGAN PERSEMPADANAN SEMULA RANGKAIAN KORIDOR EKOLOGI J-PL2 (CFS2-PL3): HS PANTI – HS ULU SEDILI DAN J-SL1 (CFS2-SL5): HS PANTI – HS KUALA SEDILI



- Sempadan Koridor CFS Cadangan
- Sempadan Koridor CFS Sedia Ada

LOKASI

- BP 2 – HS Panti – HS Ulu Sedili
- BP 3 – HS Panti – HS Ulu Sedili dan HS Panti – HS Kuala Sedili
- BP 4 – HS Panti – HS Kuala Sedili
- BP 5 – HS Panti – HS Kuala Sedili

KELUASAN


- HS Panti – HS Ulu Sedili (J-PL2) : 6,714.00 Hektar
- HS Panti – HS Kuala Sedili (J-SL1) : 10,193.00 Hektar

JUSTIFIKASI

Kepentingan pemeliharaan dan keselamatan hidupan liar serta memelihara tumbuhan sedia ada di sekelilingnya.

TINDAKAN

- Persempadanan semula rangkaian J-PL2 (CFS2-PL3): HS Panti – HS Ulu Sedili
- Persempadanan semula rangkaian J-SL1 (CFS2-SL5): HS Panti – HS Kuala Sedili



| Indeks Kerapuhan Persisiran Pantai         | Skor Pemmarkahan Parameter |
|--------------------------------------------|----------------------------|
| > 10.74 (Tahap 5 - Sangat Tinggi)          | 5 (Sangat Tinggi)          |
| > 7.58 hingga < 10.74 (Tahap 4 - Tinggi)   | 4 (Tinggi)                 |
| > 5.70 hingga < 7.58 (Tahap 3 - Sederhana) | 3 (Sederhana)              |
| > 4.05 hingga < 5.70 (Tahap 2 - Rendah)    | 2 (Rendah)                 |
| < 4.05 (Tahap 1 - Sangat Rendah)           | 1 (Sangat Rendah)          |

L3-4 CADANGAN MENGEMASKINI PELAN KERAPUHAN BAGI BANJIR, HAKISAN PANTAI DAN KENAIKAN ARAS LAUT

LOKASI

- BP 4 - Sedili Besar

KELUASAN

-

JUSTIFIKASI


Pelan kerapuhan persisiran pantai ini adalah berdasarkan kepada Laporan Draf Akhir, Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara ke-2 (Jilid 2), Mei 2021

TINDAKAN

- Mengemaskini pelan kerapuhan persisiran pantai fizikal, biodiversiti dan sosio-ekonomi



E6-1 CADANGAN PEMBINAAN TAKUNGAN AIR PINGGIRAN (OFF RIVER STORAGE)



LOKASI

- BP 1– Sg. Telor
- BP 4 – Sg Sedili Besar

KELUASAN

-

JUSTIFIKASI

Menjamin keperluan sumber air pada masa hadapan di Daerah Kota Tinggi.




Contoh Takungan Air Pinggir Bestari Jaya



## KOTA TINGGI KE ARAH DAERAH EKONOMI DINAMIK

### D9-2 CADANGAN MEMUJUDKAN ZON INDUSTRI BAHARU *HALAL PARK* DI BANDAR TENGGARA



#### LOKASI

- BP 2 - Bandar Tenggara

#### KELUASAN


- 16.18 Hektar

#### JUSTIFIKASI

Menggalakkan pengusaha tempatan dan pelabur luar terlibat dalam menghasilkan pembuatan produk halal.



*Konsep farm to fork ini akan menyokong ekonomi sektor pelancongan*



### D30-4 CADANGAN MEMUJUDKAN LEMBAH DAGING KOTA TINGGI (KOTA TINGGI *BEEF VALLEY*)

#### LOKASI

- Keseluruhan Blok Perancangan

#### KELUASAN

-


#### JUSTIFIKASI

Meningkatkan kecekapan industri ternakan ruminan.

#### TINDAKAN

1. Strategi mengembangkan baka yang mampu untuk meningkatkan pengeluaran lembu pedaging kacukan di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia seperti *Charolais*, *Limousin* dan *Belgian Blue*
2. Penambahbaikan genetik di peringkat ladang
3. Mengadakan kerjasama pemindahan teknologi (*transfer of technology*) dan mengambil contoh model dalam aktiviti pembiakbakaan lembu wagyu asli di Jepun.
4. 4 cara pengurusan:
  - Cara meragut lepas bebas
  - Cara berkurung atau fidlot
  - Cara separa intensif
  - Cara integrasi dengan tanaman utama
5. Mewujudkan zon ternakan lembu bagi penghasilan daging halal yang moden dan mesra alam

### L14-4 CADANGAN GUNUNG PANTI SEBAGAI TAMAN WILAYAH



#### LOKASI

- BP 2 - Gunung Panti

#### KELUASAN

-

#### JUSTIFIKASI

Menaiktaraf Gunung Panti kepada Taman Wilayah (100 Hektar) dengan ruang aktif dan pasif seperti ruang Dataran Kemudahan, ruang Suaka Burung Panti, Hutan Lipur Panti dan Santuari Gajah, serta Hutan Simpan Kekal Gunung Panti

#### TINDAKAN BAGI MENAIKTARAF GUNUNG PANTI KEPADA TAMAN WILAYAH





## KOTA TINGGI KE ARAH DAERAH EKONOMI DINAMIK

D3-2

CADANGAN MEMPROMOSI KONSEP *ADAPTIVE REUSE* BAGI MENGOPTIMUMKAN BANGUNAN KOMERSIAL YANG USANG DAN TIDAK DIHUNI



Contoh konsep adaptive reuse, Bangunan REXKL, panggung wayang lama ditukar kepada pusat seni dan budaya yang unik

### LOKASI

- BP 2 - Bandar Tenggara

### KELUASAN

-

### JUSTIFIKASI

Mewujud dan menyediakan ruang untuk penduduk berinteraksi dan bersosial, menggalakkan bangunan lama diguna semula dan menjana peluang ekonomi kepada penduduk tempatan.



Ruang Pameran/Galeri



Kafe Bertema

D31-4

CADANGAN MENINGKATKAN KEMUDAHAN PENDARATAN IKAN DAN MENAIKTARAF KEMUDAHAN PEMASARAN HASIL PERIKANAN DI PELABUHAN LKIM SEDILI



Contoh Ilustrasi Pelabuhan



Menaiktaraf Kemudahan Pemasaran Hasil Perikanan Di Pelabuhan LKIM Sedili

### LOKASI

- BP 4 - Sedili Besar

### KELUASAN

-

### JUSTIFIKASI


Memudahkan nelayan mendaratkan hasil tangkapan dengan lebih efisien.

### TINDAKAN

1. Menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan di kawasan jeti serta menyediakan jeti tambahan.
2. Menaiktaraf pusat jualan iaitu bagi aktiviti jual beli antara nelayan dan pihak LKIM serta dengan penduduk
3. Menyediakan bangunan untuk aktiviti membaiki sampan atau bot dan pukat.
4. Menyediakan bangunan industri kecil untuk pemprosesan dan jualan hasil laut daripada nelayan.
5. Menyediakan kelengkapan kemudahan yang membantu meningkatkan hasil tangkapan dan proses penjualan ikan.
6. Meneruskan Skim Pinjaman Dana Nelayan. Skim pinjaman ini bertujuan menggalakkan nelayan untuk lebih berdikari.

D27-1

CADANGAN MENINGKATAN PRODUKTIVITI KELAPA SAWIT



● Tanah Pertanian Yang Tidak Diusahakan Kelas 3 (1,605.67 Hektar) ● Ladang Kelapa Sawit Sedia Ada

### LOKASI

- BP 3 - Ulu Sg Sedili Besar

### KELUASAN

-

### JUSTIFIKASI

Meningkatkan kadar penanaman semula ladang sawit yang tidak lagi produktif bagi mencapai keluasan hasil bertanaman yang maksimum.


### TINDAKAN

1. Mengoptimumkan penggunaan tanah bagi tanaman kelapa sawit dengan menggunakan klon terbaik dan baka terpilih.
2. Menghasilkan klon pokok sawit terbaharu dikenali sebagai Clonal Palm Series 3 (CPS3).
3. Menanam semula pokok kelapa sawit yang tidak lagi produktif iaitu melebihi 25 tahun.
4. Pengusaha boleh mendapatkan dana pinjaman penanaman semula kelapa sawit tanpa cagaran pada kadar faedah 2% setahun.
5. Kadar insentif maksimum RM14,500/ha melibatkan infrastruktur ladang.
6. Penanaman kelapa sawit bagi kawasan baru adalah di atas tanah pertanian terbiar Kelas 3 bagi mencapai keluasan sehingga 160,000 hektar pada 2030.



KOTA TINGGI KE ARAH DAERAH PINTAR

L2-8 CADANGAN PENGURUSAN AIR PINTAR



Konsep pintu penahan banjir (flood gate) di Sg. Thames yang merupakan salah satu kaedah pertahanan banjir mudah alih

LOKASI


- BP 1 – Kota Tinggi

KELUASAN


-

JUSTIFIKASI

Pengurusan air pintar dilihat sebagai suatu penyelesaian dalam menangani isu banjir dalam Daerah Kota Tinggi.



P12-5 MENUBUHKAN PUSAT DATA MAMPAN / DATA RAYA PERINGKAT TEMPATAN (LOCAL URBAN OBSERVATORY)



Platform Malaysia Urban Observatory yang dijalankan oleh Iskandar Malaysia

LOKASI

- BP 1 – Kota Tinggi

KELUASAN

-

JUSTIFIKASI

Penyimpanan data dan pusat pemantauan bagi kemudahan Infrastruktur Pintar

- TINDAKAN
1. Penyimpanan data dan pusat pemantauan bagi kemudahan Infrastruktur Pintar.
  2. Pusat pengkalan data MDKT bagi menguruskan dan memantau keseluruhan kawasan.
  3. Meningkatkan keselamatan penduduk dengan menggunakan kepintaran buatan (AI) dan CCTV bagi memantau dan merakam aktiviti seperti lalu lintas, keselamatan, bencana dan kawalan bersepadu.
  4. Melibatkan kerjasama antara semua agensi bagi menyalurkan pelbagai input data.
  5. Keputusan perancangan dilakukan dengan lebih tepat secara *informed decision* dengan menggunakan analitik data raya ke atas authoritative data.

D29-4 CADANGAN MENGGALAKKAN PELAKSANAAN AKTIVITI PERTANIAN PINTAR



Aplikasi Pertanian Pintar (Smart Farming)

LOKASI

- Keseluruhan Blok Perancangan

KELUASAN

-

JUSTIFIKASI


Revolusi pertanian perlu dijalankan seperti menukar kaedah lama penanaman yang bersifat tradisional, penjagaan tanaman, tenaga mahir kepada kaedah pintar.





KOTA TINGGI KE ARAH DAERAH VIBRAN

L17-1 CADANGAN MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN BARU YANG BERDAYA HUNI DAN SEJAHTERA



LOKASI

- Keseluruhan Blok Perancangan

KELUASAN

- 497.60 Hektar

JUSTIFIKASI

Komponen cadangan perumahan baru perlu disediakan bagi menampung jumlah penduduk yang semakin meningkat

| UNJURAN PERUMAHAN 2030         |       |         |                   |         |
|--------------------------------|-------|---------|-------------------|---------|
| Blok Perancangan               | Unit  | Peratus | Keluasan (Hektar) | Peratus |
| BP 1 : Kota Tinggi             | 3,241 | 32.57   | 162.05            | 32.57   |
| BP 2 : Ulu Sungai Johor        | 100   | 1.00    | 5.00              | 1.00    |
| BP 3 : Ulu Sungai Sedili Besar | 169   | 1.70    | 8.45              | 1.70    |
| BP 4 : Sedili Besar            | 2,161 | 21.71   | 108.05            | 21.71   |
| BP 5 : Kambau                  | 42    | 0.42    | 2.10              | 0.42    |
| BP 6 : Pengerang               | 1,047 | 10.52   | 52.35             | 10.52   |
| BP 7 : Pantai Timur            | 1,047 | 10.52   | 52.35             | 10.52   |
| BP 8 : Tanjong Surat           | 1,045 | 10.50   | 52.25             | 10.50   |
| BP 9 : Johor Lama              | 550   | 5.53    | 27.50             | 5.53    |
| BP 10 : Sedili Kecil           | 550   | 5.53    | 27.50             | 5.53    |
| JUMLAH                         | 9,952 | 100.00  | 497.60            | 100.00  |

P1 STRATEGI MENAIKTARAF MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI SEBAGAI MAJLIS PERBANDARAN YANG CEKAP DAN BERKESAN



LOKASI

- Keseluruhan Blok Perancangan

KELUASAN


-

JUSTIFIKASI

Menjadikan Majlis Daerah Kota Tinggi sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang maju dan kompetitif di Negeri Johor.

| BIL.                             | KRITERIA                                                                                           | PENCAPAIAN |
|----------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| Definisi Perbandaran             |                                                                                                    |            |
| 1.                               | Bandar utama atau pusat pentadbiran sesebuah negeri ataupun daerah                                 | ✓          |
| Penduduk Pada Tahun Unjuran      |                                                                                                    |            |
| 2.                               | Melebihi 150,000 orang                                                                             | ✓          |
| Pendapatan Majlis Secara Tahunan |                                                                                                    |            |
| 3.                               | Hasil tahunan tidak kurang daripada RM20,000,000 dan berupaya menyediakan perkhidmatan yang selesa | ✓          |
| Aktiviti Ekonomi                 |                                                                                                    |            |
| 4.                               | Kepesatan aktiviti ekonomi yang boleh menyumbang kepada PBT                                        | ✓          |

L10-1 CADANGAN MEMBANGUNKAN IMEJ MERCU TANDA DAN LANDSKAP DI PINTU MASUK PERSEMPADANAN UTAMA



LOKASI

- BP 1 – Kota Tinggi
- BP 2 – Ulu Sg. Johor
- BP 3 – Ulu Sg. Sedili Besar

KELUASAN

JUSTIFIKASI

Pintu masuk sedia ada kurang dalam menonjolkan identiti dan imej Kota Tinggi.





## KOTA TINGGI KE ARAH DAERAH RENDAH KARBON

### E4-1 CADANGAN MENYEDIAKAN LALUAN PEJALAN KAKI DAN LALUAN BASIKAL

#### CADANGAN LALUAN PEJALAN KAKI

| Lokasi      | Laluan Pejalan Kaki | Panjang (km) | PBT    |
|-------------|---------------------|--------------|--------|
| Kota Tinggi | Laluan Berkongsi    | 3.53         | • MDKT |
|             | Laluan Khas         | 5.7          |        |

#### CADANGAN LALUAN BASIKAL

| Lokasi                                                                | Laluan Basikal    | Panjang (km) | PBT             |
|-----------------------------------------------------------------------|-------------------|--------------|-----------------|
| Kota Tinggi                                                           | Laluan Berkongsi  | 1.08         | • MDKT          |
|                                                                       | Laluan Khas       | 20.42        |                 |
| Bandar Tenggara                                                       | Laluan Berkongsi  | 10.96        | • MDKT          |
|                                                                       | Laluan Khas       | 4.75         |                 |
| Tanjung Sedili –<br>Bandar Penawar –<br>Batu Layar – Sungai<br>Rengit | Lebuhraya Basikal | 79.0         | • MDKT<br>• MPP |

#### LOKASI


- BP 1 – Kota Tinggi

#### KELUASAN

- Rujuk Jadual

#### JUSTIFIKASI

Laluan pejalan kaki dan basikal sedia ada di kawasan kajian tidak menyeluruh dan tiada kesalinghubungan di antara satu tempat dengan tempat yang lain.



Laluan Pejalan Kaki Dan Laluan Basikal Di Kota Tinggi

### P11-7 CADANGAN MENJALANKAN KAJIAN PELAN TINDAKAN SMART MAMPAN DAN PELAN KOMUNITI BANDAR RENDAH KARBON

#### Tindakan

1. Pengangkutan Hijau Bersepadu
2. Perindustrian Hijau
3. Urustadbir Bandar Rendah Karbon
4. Pembinaan dan Bangunan Hijau
5. Sistem Tenaga Hijau dan Boleh Diperbaharui

6. Gaya Hidup Rendah Karbon
7. Pendedahan dan Penglibatan Komuniti

8. Reka Bentuk Sistem Pejalan Kaki
9. Perkembangan Pintar
10. Infrastruktur Biru dan Hijau serta Pengurusan Desa
11. Pengurusan Sumber Air Mampan
12. Alam Sekitar Bersih

#### Tema



Ekonomi Hijau



Komuniti Hijau



Alam Sekitar Hijau

#### LOKASI


- Keseluruhan Blok Perancangan

#### KELUASAN

-

#### JUSTIFIKASI

Menyediakan kerangka dasar yang jelas dengan program pelaksanaan untuk mencapai pembangunan yang rendah karbon serta meningkatkan ekonomi, komuniti dan memulihara alam sekitar.



Rujukan Tindakan Pelan Komuniti Bandar Rendah Karbon Pengerang 2030

### L15-1 CADANGAN PENGEKALAN POKOK (TREE PRESERVATION ORDER) DI KOTA TINGGI



Tree Presevation Order (TPO) di Taman Kelip-Kelip, Sungai Johor

#### LOKASI

- BP 1 – Kota Tinggi
- BP 2 – Ulu Sg. Johor
- BP 3 – Ulu Sg. Sedili Besar
- BP 4 – Sedili Besar
- BP 5 – Kambau

#### KELUASAN

-

#### JUSTIFIKASI

Melestarikan keindahan kawasan potensi, dan mewujudkan sistem pengurusan dan pemeliharaan pokok yang komprehensif.



CN: Pokok Berembang  
SN: *Sonneratia caseolaris*

#### TINDAKAN

1. Pokok berembang dan bakau merupakan habitat bagi hidupan kunang – kunang.
2. Pokok – pokok ini perlu dipelihara kerana ia dapat membantu ekosistem bakau



## APAKAH PERANAN ANDA?

Anda boleh memeriksa Laporan Draf RT DAERAH KOTA TINGGI 2030 (PENGANTIAN) sepanjang program publisiti diadakan.

## ANDA MEMPUNYAI MAKLUMBALAS/CADANGAN/BANTAHAN ?

Sekiranya anda mempunyai maklumbalas/cadangan/bantahan terhadap laporan tersebut, anda dialu-alukan untuk mengemukakan borang penyertaan yang disediakan dan mengembalikan kepada alamat yang dinyatakan di dalam borang tersebut bermula pada :

## TARIKH SEMAKAN

14 NOVEMBER - 15 DISEMBER 2021

## MASA SEMAKAN

AHAD - RABU

9:00 PAGI - 4:30 PETANG

KHAMIS

9:00 PAGI - 3:00 PETANG

(hari bekerja sahaja)

## TEMPAT SEMAKAN

PLANMalaysia@Johor

PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI

MAJLIS PERBANDARAN PENERANG

MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

PEJABAT TANAH DAERAH KECIL PENERANG

## SEMAKAN SECARA *ONLINE*

[www.mdkt.gov.my](http://www.mdkt.gov.my)

[mppengerang.gov.my](http://mppengerang.gov.my)

<https://jpbd.johor.gov.my>

<http://epublisiti.townplan.gov.my/publisiti/>

Imbas untuk muat turun dokumen dan akses kepada borang maklum balas

